

## **Kajian Tingkah Laku Pengguna Tandas Masjid Di Negeri Kelantan** (*A Study of the Behaviours of Mosque Toilet Users in Kelantan*)

NIK YUSRI MUSA\* & MOHAMAD IZZAT MOHAMAD GHANI

### ABSTRAK

*Kritikan terhadap tahap kebersihan tandas masjid terutamanya di negeri Kelantan mendapat tempat di media massa dan media sosial. Rasa tidak puas hati terhadap sikap sebahagian pengguna tandas masjid yang mengabaikan aspek kebersihan tandas menimbulkan persepsi bahawa masyarakat Kelantan secara umumnya merupakan masyarakat pengotor. Situasi ini sebenarnya memberi impak yang cukup negatif kepada negeri Kelantan yang dikenali sebagai serambi Makkah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tingkah laku pengguna tandas masjid terhadap aspek kebersihan di negeri Kelantan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap tingkah laku pengguna tandas masjid, mengenalpasti tahap min setiap item dalam pembolehubah tingkah laku dan mengenalpasti hubungan antara item-item yang dikaji. Seramai 353 orang responden telah digunakan bagi mewakili populasi penduduk dengan metod kuantitatif melalui soal selidik. Kaedah deskriptif dan empirikal dilakukan setiap item yang dikaji bagi menjawab objektif kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science' iaitu SPSS versi 20. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai kesahan dan kebolehpercayaan tingkah laku adalah 0.623. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa nilai min bagi tingkah laku positif (4.37) adalah lebih tinggi berbanding tingkah laku negatif (3.01) dengan masing-masing berada dalam lingkungan skala sederhana yang sama. Dapatan kajian turut menemukan terdapat hubungan antara item-item tingkah laku positif dan begitu juga tingkah laku negatif supaya boleh ditelitikan lagi.*

*Kata kunci: Tingkah laku; pengguna; kebersihan; tandas masjid.*

### ABSTRACT

*Critiques on the hygiene level of mosque toilets especially in Kelantan are becoming more noticeable on both the mass and social media. The dissatisfaction towards some of the mosque toilet users who neglect toilet hygiene creates a perception that the Kelantanese people are generally unhygienic people. This phenomenon gives such a negative impact to Kelantan as it is well-known for its image as the 'Serambi Mekah'. This study aims to examine the behaviors of mosque toilet users in Kelantan with regard to the aspect of hygiene. The objective of this study is to identify the behavioral level of the mosque toilet users, the mean for each item under the behavior variable and the relationship between the items studied. A total number of 353 respondents were chosen in this study to represent the population by using a quantitative questionnaire method. Descriptive and empirical method were employed in order to answer the research questions. The data collected from the study was analyzed by using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 20 software. The findings show that the validity and reliability value for behavior is 0.623. The findings also show that the mean value for positive*

*behaviors (4.37) is higher than the negative behaviors (3.01), with both items on the same moderate scale. The findings also suggest that the relationship between the items for the positive and negative behaviors can be further studied.*

*Keywords: Behavior, consumer, hygiene, mosque toilet*

## PENGENALAN

Tingkah laku merupakan sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sedar atau separa sedar dan manifestasi fizikal sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu (Lewis 2001). Selain itu, tingkah laku merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindakbalas, tindakan dan reaksi dari segi teknik, aktiviti melibatkan otot-otot, kelenjar (glandular) dan aktiviti elektri oleh setiap organ (Garry Martin & Joseph Pear 2003). Tingkah laku manusia dari perspektif Islam pula adalah mempunyai tujuan agama dan kemanusiaan, normal dan tidak normal adalah berdasarkan kepada kekerapan, berlaku sepanjang masa dan mempunyai masalah psikologi (Al-Ghazali 1977). Dipengaruhi oleh persekitaran, didikan ibu bapa, dorongan nafsu, ilmu yang benar, hidayah Allah dan faktor sedia ada dalam diri manusia.

Setiap tingkah laku manusia adalah berasaskan dorongan, tujuan dan motivasi di mana semua itu berasal daripada dalam diri manusia itu sendiri berdasarkan pada yang difahami. Kesemuanya itu wujud oleh rangsangan-rangsangan luar atau dalaman yang berkaitan seperti keperluan-keperluan sosiologi, fisiologi atau psikologi umpamanya rasa lapar ingin makan, keinginan dicintai sesama manusia dan takut kepada Allah. Sehubungan itu, akan mendorong seseorang individu untuk melakukan sesuatu tingkah laku yang sejajar dengan sikap dan pengetahuan dimiliki terhadap sasaran suatu situasi atau interaksi yang tersedia berlaku atau belum berlaku secara konsisten. Tingkah laku turut dipengaruhi oleh pembentukan diri individu seseorang. Antara pembentukan diri dalam bidang sosiologi adalah dibentuk melalui perhubungan *interpersonal* (Cooley 1964) dan interaksi dengan masyarakat (Mead 1962).

Tingkah laku manusia terbahagi kepada dua peringkat iaitu manusia dipengaruhi oleh kegopohan (negatif) dan manusia dipengaruhi oleh pemikiran yang rasional (positif). Perubahan tingkah laku adalah suatu bidang psikologi berkaitan dengan analisa dan perubahan manusia (Miltenberger 2001). Selain itu, definisi salah laku pula adalah sebarang tingkah laku yang dianggap tidak sesuai dengan suatu tempat atau keadaan di mana ianya berlaku berlawanan dengan kehendak kemanusiaan. Konsepnya bertentangan dengan tingkah laku normal yang lazimnya akan dipersepsi / difahami, dirasai, dilakukan dan dialami oleh kebanyakan orang dalam masyarakat. Tingkah laku bermasalah yang timbul adalah kerana kekurangan keupayaan individu dalam proses adaptasi / akomodasi apabila menghadapi perubahan situasi dalam alam persekitaran. Selain itu, tingkah laku bermasalah juga boleh membawa pengertian tingkah laku yang tidak normal, iaitu (*abnormal behavior*). Tingkah laku yang tidak normal adalah terkeluar dari nilai norma sosial masyarakat (Mok Soon Sang 2004).

Terdapat teori yang menghubungkaitkan antara “hubungan” dengan interaksi sesama manusia yang saling bergantung antara satu sama lain. Terdapat juga teori ‘*interpersonal relationship*’ yang meramal tingkah laku mesra terhadap alam sekitar (Davis et al. 2009). Walau bagaimanapun, manusia bergantung secara fizikal (kemudahan infrastruktur) dan emosi (perasaan) dengan alam sekitar dan sebaliknya keadaan fasilitinya pula bergantung penuh daripada segala tindakan manusia yang berstatus pengguna. Ini berikutan, proses ini mempengaruhi

kesejahteraan dan keseimbangan hidup manusia. Tidak banyak kajian yang mengkaji aspek kebersihan yang melibatkan tingkah laku pengguna tandas masjid.

Beberapa sarjana berpendapat bahawa jalan terbaik bagi mengatasi masalah kebersihan adalah dengan mengubah sikap dan tingkah laku seharian yang menjadi amalan masyarakat. Perkara ini memfokuskan kepada kepentingan diri (*anthropocentric*) yang berfokuskan alam sekitar (*ecocentric*) (Knapp 1999; Callicott 2000). Sikap atau kefahaman alam sekitar (*environmental worldview*) merujuk kepada kepercayaan, perasaan dan tingkah laku individu terhadap alam sekitar (Knapp 1999; Callicott 2000). Knapp (1999) menjelaskan bahawa salah satu faktor penyumbang kepada kemusnahan alam sekitar yang berleluasa adalah kerana majoriti masyarakat memiliki fahaman *anthropocentric*. Oleh itu, kefahaman *ecocentric* dipercayai lebih memberi kesan yang efektif terhadap sikap dan amalan manusia. Apabila kefahaman alam sekitar adalah berlandaskan keharmonian diantara manusia dan alam sekitar, individu akan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar termasuklah tandas masjid dalam tingkah laku seharian kerana mereka percaya bahawa manusia dan alam sekitar mempunyai nilai yang setara.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tingkah laku pengguna tandas masjid terhadap aspek kebersihan di negeri Kelantan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap tingkah laku pengguna tandas masjid, mengenalpasti tahap min setiap item dalam pembolehubah tingkah laku dan mengenalpasti hubungan antara item-item yang dikaji. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada persepsi individu terhadap tingkah laku kebersihan terhadap tandas masjid dalam kalangan pengguna tandas masjid. Ini kerana penglibatan masyarakat dalam usaha mengekalkan kebersihan tandas masjid adalah penting terutamanya dalam kalangan pengguna yang merupakan tergolong dalam populasi masyarakat di negeri Kelantan. Hasil kajian boleh menyumbang kepada usaha peningkatan tingkah laku kebersihan tandas masjid dan alam sekitar.

## ULASAN LITERATUR

Sistem masyarakat yang sedia ada kini hanya menitikberatkan aspek ekonomi dan limpahan pembangunan sahaja. Fenomena ketidakseimbangan tersebut telah menjadi penyebab terciptanya penekanan terhadap kualiti tingkah laku di dalam diri seseorang manusia. Masalah kebersihan begitu berkait rapat dan seiring dengan alam semulajadi yang akan menyebabkan pelbagai permasalahan jika tidak bijak dalam menanganinya. Antara bencana terhadap alam semulajadi adalah seperti pemanasan global, pencemaran udara dan air, tanah runtuh, tsunami, gempa bumi, perubahan cuaca serta memberi kesan kepada kesejahteraan fizikal manusia. Banyak daripada masalah ini berpunca daripada perbuatan manusia (Gardner & Stern 2002) yang lemah kesedaran. Peningkatan kesedaran alam sekitar adalah salah satu entiti penting dalam pembangunan kapasiti negara menuju pembangunan lestari (Zurina & Norjan 2003).

Fenomena terhadap alam sekitar akan berlaku seperti di luar negara di mana banyak kajian menunjukkan masyarakat mempunyai kesedaran terhadap pelbagai masalah alam sekitar termasuklah isu alam sekitar tempatan sehingga masalah global (pemanasan global dan penipisan ozon). (Berenguer 2007) Walau bagaimanapun, tingkah laku bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar tandas masjid masih tidak lagi menjadi kebiasaan bagi masyarakat. Ini kerana kecemerlangan manusia bukan terletak pada kemahiran tetapi pada tingkah laku.

Apa yang lemah dalam masyarakat ialah sikap mengutamakan kesenangan orang lain dalam penjagaan alam sekitar (Dzulkipli 2005) dan ini termasuklah menjaga kebersihan tandas masjid. Oleh itu, gaya hidup manusia mesti berubah. Perkara lebih penting lagi adalah kefahaman dan pengetahuan terhadap pembangunan mesti dikaji semula secara komprehensif. Rakyat perlu diberi kuasa dengan membekalkan mereka dengan kaedah yang sesuai serta mengetahui bagaimana mereka boleh melibatkan diri secara aktif untuk menjaga kebersihan alam sekitar tandas masjid. Cara mengatasi terhadap masalah alam sekitar perlu menjangkau kesedaran iaitu dengan tindakan (Atsuko 1999) dalam merubah sistem masyarakat sekaligus melahirkan tingkah laku yang lebih positif. Sesuatu tindakan untuk mengubah tingkah laku mengambil masa yang lama. Kekalkan kesabaran dan sikap positif ianya akan mendatangkan keputusan yang baik.

Dirumuskan bahawa sikap terhadap tingkah laku untuk menyantuni alam sekitar yang jitu adalah meramalkan tingkah laku yang paling baik atau positif (Bodur & Sarigollu 2005; Meinhold & Malkus 2005; Milfont et. al. 2006). Namun terdapat beberapa dapatan kajian menunjukkan perbezaan iaitu di mana tahap pengetahuan dan sikap terhadap alam sekitar tidak semestinya membawa kepada amalan tingkah laku alam sekitar (Kuhlemeier et. al. 1999; Mohd Yusop et al. 2003; Zurina & Norjan 2003; Stepath 2004; Lee 2008; Shahrom Md Zain et. al. 2008; Norshariani 2009).

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah kuantitatif. Kaedah ini kebiasaannya melibatkan skala kajian persampelan bersaiz besar terhadap sesuatu populasi. Berikutan, subjek kajian ini melibatkan manusia yang berbilang latar belakang. Walau bagaimanapun, saiz sampel kurang penting (Mohd Majid Konting 1990) dan apa yang penting ialah saiz sampel yang diambil dapat mewakili populasi. Populasi merupakan kumpulan sasaran penyelidik supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan (Fraenkel & Wallen 1990).

### Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan model awal tingkah laku pro-alam sekitar, ianya selari dengan aliran pengguna tandas masjid untuk bertingkah laku iaitu melalui pengetahuan alam sekitar, sikap terhadap alam sekitar dan tingkah laku pro-alam sekitar (Kollmuss & Agyman 2002). Pemboleh ubah tingkah laku selaku pemboleh ubah bersandar dibahagikan kepada 2 kategori utama iaitu tingkah laku positif dan tingkah laku negatif.

### Sampel Kajian

Pensampelan kumpulan subjek dalam kajian ini amnya adalah pengguna yang pernah menggunakan tandas masjid yang khususnya terdiri daripada jemaah masjid, Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid dan masyarakat sekitar. Kajian ini memilih negeri Kelantan sebagai lokasi kajian kerana Kelantan merupakan negeri yang berkependudukan majoriti bangsa Melayu beragama Islam yang mempunyai keluasan yang luas dengan kepadatan penduduk seramai sebanyak 729,835 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Setelah melakukan pemilihan secara *random*

hanya beberapa lokasi yang berpotensi untuk dijadikan sampel kajian. Kajian ini membahagikan beberapa kategori iaitu tandas masjid negeri Kelantan, bandar dalam Kelantan, Jajahan atau Daerah di Kelantan dan Mukim di Kelantan (Masjid-Masjid Di Kelantan 2014).

Populasi kajian merupakan komuniti yang dikaji (Chua 2006). Populasi bagi kajian ini ialah pengguna tandas masjid yang telah tamat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan ke atas. Demi kestabilan dapatan, minimum diperlukan adalah 200 responden (Crocker dan Aigina 1986). Dalam masa yang sama boleh berlaku sedikit penambahan atau pengurangan jumlah responden mengikut saiz populasi, skop dan bidang kajian selagi mana dapatan kajian signifikan dalam menjawab objektif.

Kajian rintis dilakukan bagi menguji kebolehpercayaan item kajian dan sebanyak 30 orang responden pengguna tandas masjid dipilih bagi menjadi responden kajian. Subjek kajian rintis mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek populasi kajian. Sampel kajian rintis tidak diambil daripada populasi kajian untuk mengelakkan pencemaran kajian rintis (Chua 2006). Responden yang telah digunakan tidak boleh digunakan semula untuk kajian yang sebenar kerana mereka telah terdedah dengan prosedur dan instrumen kajian. Sampel yang harus diambil sebanyak 384 bagi mewakili populasi penduduk di Kelantan seramai 1,459,994 (Cohen et al. 2001). Sejumlah 400 soal selidik diedarkan, walau bagaimanapun, hanya 379 soal selidik berjaya dikembalikan semula dan 353 sahaja yang lengkap setelah melalui proses penapisan.

### Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Di samping itu, dapat meningkatkan ketepatan jawapan yang diberikan oleh subjek tanpa dipengaruhi oleh personaliti atau tingkah laku pengkaji atau kedua-dua (Mohd Majid Konting 1990). Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian dibina berdasarkan perbincangan bersama beberapa ahli penyelidik yang lain mengikut kesesuaian pemboleh ubah kajian. Instrumen kajian mengandungi 2 bahagian dengan masing-masing mempunyai 7 item di setiap bahagian dan menjadikan jumlah keseluruhannya adalah 14 item.

Setiap satu bahagian mewakili tingkah laku positif dan tingkah laku negatif. Jawapan-jawapan di bahagian tingkah laku positif memerlukan responden memilih jawapan mereka berdasarkan 6 skala Likert yang dibina iaitu 1 mewakili Tidak Pernah Langsung, 2 mewakili Jarang-jarang, 3 mewakili Kadang-kadang, 4 mewakili Pernah, 5 mewakili Selalu dan 6 mewakili Sangat Selalu. Begitu juga skala Likert bagi tingkah laku negatif turut mempunyai 6 iaitu 1 mewakili Sangat Tidak Setuju, 2 mewakili Tidak Setuju, 3 mewakili Sedikit Tidak Setuju, 4 mewakili Sedikit Setuju, 5 mewakili Setuju dan 6 mewakili Sangat Setuju. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah statistik dan deskriptif. Kaedah ini digunakan untuk menjelaskan objektif kajian yang dikemukakan.

### DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan bahawa profil untuk tahap pendidikan responden kajian. Profil tersebut mempamerkan daripada 353 orang responden memiliki SPM adalah seramai 20.7 %, memiliki

Diploma/setaraf adalah seramai 34.3%, memiliki Ijazah adalah seramai 35.7% dan Lain-lain pula adalah seramai 9.3%.

JADUAL 1. Profil Tahap Pendidikan Kajian

Jenis Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratusan (%)
SPM	73	20.7
Diploma/setaraf	121	34.3
Ijazah	126	35.7
Lain-lain	33	9.3
Jumlah	353	100

### Tahap Tingkah Laku

*1. Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti di tahap manakah pemboleh ubah tingkah laku pengguna terhadap kebersihan tandas masjid.*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai alpha bagi kesahan dan kebolehpercayaan pemboleh ubah tingkah laku pengguna terhadap kebersihan tandas masjid adalah 0.623.

*2. Objektif kedua dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap nilai min bagi keseluruhan item dalam pemboleh ubah tingkah laku pengguna*

JADUAL 2. Tahap Nilai Min Pemboleh ubah Tingkah Laku Pengguna Tandas Masjid

Bil.	Pemboleh ubah	Min	Tahap	Minimum	Maksimum
1.	Tingkah Laku Positif	4.37	Sederhana	2	6
2.	Tingkah Laku Negatif	3.01	Sederhana	1	6

Jadual 3. Tahap Nilai Min Bagi Pemboleh ubah Tingkah Laku Positif

Bil.	Item	Min	Tahap	Min	Maks
1.	Saya memastikan tandas masjid bersih selepas digunakan	5.19	Tinggi	1	6
2.	Saya turut menyertai program gotong-royong tandas masjid	3.93	Sederhana	1	6
3.	Saya memakai selipar untuk masuk ke tandas masjid	5.06	Tinggi	1	6
4.	Saya membuat aduan status kebersihan tandas masjid kotor kepada AJK masjid	3.04	Sederhana	1	6
5.	Saya tidak menggunakan tandas masjid yang kotor	3.91	Sederhana	1	6
6.	Saya memuji dan mewawarkan tandas masjid yang bersih	4.77	Sederhana	1	6
7.	Saya menyumbang kepada tabung penyelenggaraan tandas masjid	4.27	Sederhana	1	6

JADUAL 4. Tahap Nilai Min Bagi Pemboleh ubah Tingkah Laku Negatif

Bil.	Item	Min	Tahap	Min	Maks
1.	Saya tidak dididik oleh keluarga saya mengenai kepentingan kebersihan tandas masjid	2.01	Rendah	1	6
2.	Saya tidak dapat membersihkan tandas masjid kerana tiada kemudahan yang disediakan (seperti tiada air & pam rosak)	3.09	Sederhana	1	6
3.	Saya dapati pihak pengurusan masjid tidak memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk kebersihan masjid	3.22	Sederhana	1	6
4.	Saya tahu, saya tidak akan dikenakan tindakan walaupun saya mengotorkan tandas masjid	2.75	Rendah	1	6
5.	Jika saya tidak menjaga kebersihan tandas masjid bermakna iman saya lemah	4.56	Sederhana	1	6
6.	Saya hanya bersihkan tandas masjid pada waktu saya guna sahaja	4.11	Sederhana	1	6
7.	Saya tidak menggunakan tandas masjid yang kotor	4.22	Sederhana	1	6

Analisis deskriptif mendapati bahawa tahap nilai min pemboleh ubah tingkah laku positif (4.37) adalah sederhana dan begitu juga untuk tingkah laku negatif (3.01) pengguna terhadap kebersihan tandas masjid (Jadual 2). Walau bagaimanapun, nilai min pada tingkah laku positif melebihi nilai min pada tingkah laku negatif dengan sebanyak 1.36.

Secara keseluruhannya, tahap nilai min pemboleh ubah bagi tingkah laku pengguna tandas masjid berada pada tahap yang sederhana. Ini dilihat daripada hasil dapatan perbandingan dari segi profil jenis tahap pendidikan responden kajian menunjukkan bahawa terdapat penglibatan yang kepelbagaian (Jadual 1). Dapatan tersebut menunjukkan bahawa daripada 353 orang responden kajian nilai tertinggi adalah profil jenis tahap pendidikan daripada Ijazah seramai 35.7%, diikuti oleh Diploma/setaraf seramai 34.3%, seterusnya SPM seramai 20.7% dan Lain-lain pula seramai 9.3%. Kedua-dua nilai min tahap pemboleh ubah tingkah laku ini menunjukkan mempunyai pengaruh daripada sikap yang sederhana terhadap kebersihan tandas masjid dan diterjemahkan kepada tingkah laku yang sederhana.

Analisis deskriptif turut mendapati bahawa tahap nilai min untuk item 1 dan 3 bagi pemboleh ubah tingkah laku positif (Jadual 3) berapa di tahap tinggi antara skala Likert 5 hingga 6. Manakala selebihnya berada di tahap sederhana bagi keseluruhan item. Di samping itu, jadual 4 menunjukkan bahawa tahap nilai min untuk item 1 dan 4 bagi pemboleh ubah negatif berada di tahap rendah daripada keseluruhan antara skala Likert 1 hingga 2. Item bagi tingkah laku positif seperti '*Saya memastikan tandas masjid bersih selepas digunakan*' dan '*Saya memakai selipar untuk masuk ke tandas masjid*' ini berjaya memberi kefahaman yang betul untuk membentuk kesedaran terhadap sikap dan diaplikasikan melalui tingkah laku. Namun walau bagaimanapun, kualiti dan kuantitinya masih lagi subjektif. Walau bagaimanapun, masih terdapat bahawa beberapa kajian lepas mengenai tingkah laku terhadap alam sekitar masyarakat masih tidak mencukupi walaupun masyarakat mempunyai sikap, pengetahuan dan keinginan yang tinggi untuk menjaga kebersihan alam sekitar (Kuhlemeier et. al. 1999; Mohd Yusop et. al. 2003; Zurina & Norjan 2003; Norshariani 2009).

Bagi item '*Saya tidak dididik oleh keluarga saya mengenai kepentingan kebersihan tandas masjid*' dan '*Saya tahu, saya tidak akan dikenakan tindakan walaupun saya mengotorkan tandas masjid*' dengan skala Likert "sangat tidak setuju" dan "tidak setuju" untuk tingkah laku negatif pula menggambarkan bahawa responden kajian ini telah menerima didikan mengenai kepentingan kebersihan tandas masjid dan turut memahami bahawa akan dikenakan tindakan sekiranya melakukan kekotoran terhadap tandas masjid. Sehubungan itu, langkah untuk mengatasi

keseluruhan permasalahan mengenai alam sekitar perlu jauh terkehadapan daripada pengetahuan, media dan pendidikan iaitu dengan mengenakan tindakan (Atsuko 1999).

3. *Objektif ketiga dalam kajian ini adalah mengenalpasti hubungan yang signifikan antara item-item yang dikaji dalam pemboleh ubah tingkah laku pengguna terhadap kebersihan tandas masjid.*

JADUAL 5. Hubungan Antara Item Bagi Tingkah Laku Positif

Hubungan Item	Item 2	Tahap Signifikan
Item 4	0.5	0.000

\*\*Signifikan  $p > 0.01$

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa item 2 ‘*Saya turut menyertai program gotong-rotong tandas masjid*’ dan ‘*Saya membuat aduan status kebersihan tandas masjid kotor kepada AJK masjid*’ bagi pemboleh ubah tingkah laku positif mempunyai hubungan di antara satu sama lain (Jadual 5). Penyediaan dan penganjuran pelbagai program di masjid oleh pihak AJK masjid sangat diperlukan bagi menarik minat seluruh lapisan masyarakat di samping mengimarahkan lagi rumah Allah. Sehubungan itu, pihak AJK masjid perlu menyediakan pelbagai *platform* terkini seperti portal e-masjid bagi memudahkan masyarakat sebagai pengguna tandas masjid untuk menyalurkan sebarang aduan mengenai status kebersihan tandas masjid selari dengan kemajuan sekarang.

AJK masjid juga perlu bijak dalam merancang dan mempelawa individu-individu yang berpotensi dalam menyertai dan meletakkannya dalam senarai AJK masjid. Keberadaan orang lama yang berpengalaman dan orang baru yang berpendidikan bukan agama mampu menghadapi dan menyelesaikan permasalahan yang datang. Selain itu, AJK masjid perlulah berlapang dada dalam menerima sesuatu teguran, pandangan, kritikan dan idea daripada masyarakat yang terdiri daripada latar belakang demografi yang berbeza dalam usaha bersama-sama meningkatkan lagi mutu kebersihan tandas masjid.

JADUAL 6. Hubungan Antara Item Bagi Tingkah Laku Negatif

Hubungan Item	Item 2	Tahap Signifikan
Item 3	0.6	0.000

\*\*Signifikan  $p > 0.01$

Bagi hubungan antara item tingkah laku negatif pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara item 2 iaitu ‘*Saya tidak dapat membersihkan tandas masjid kerana tiada kemudahan yang disediakan (seperti tiada air & pam rosak)*’ dan item 3 iaitu ‘*Saya dapati pihak pengurusan masjid tidak memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk kebersihan masjid*’ (Jadual 6).

Penyediaan dana secukupnya amat penting dalam merancang sesuatu. Pengguna tandas masjid yang prihatin sentiasa berperwatakan seorang yang ringan tulang dalam membersihkan sebarang kekotoran yang dilihatnya. Namun begitu, terdapat kekurangan sehingga terbatas niat kerana tiada kemudahan dan fasiliti yang mencukupi disediakan oleh pihak masjid.

Kemudahan tabung atau tempat kutipan khas bagi mengutip dana penyelenggaraan masjid perlu diwujudkan. Ini bertujuan untuk menjamin kesejahteraan dan kelestarian masjid termasuklah tandas masjid. Dengan kewujudan *platform* seperti ini berupaya mengatasi masalah kekurangan dana bagi penyediaan kemudahan peralatan kebersihan tandas masjid khususnya. Selain itu,



mampu membayar atau mengupah mana-mana pihak untuk membersihkan tandas masjid. Lokasi *platform* ini perlu strategik bagi memudahkan dan mesra pengguna seperti melalui portal e-masjid, potongan gaji dan *drive thru* derma. Pengiklanan melalui montaj video dan visual berbentuk poster yang menarik dan kreatif juga sangat berpotensi dalam menarik minat dan perhatian masyarakat dengan tidak menghadkan penggunaan teks sahaja.

Masyarakat berpendidikan dengan profil dan latar belakang yang pelbagai jenis kategori ini boleh diperkasakan lagi. Ini kerana responden dipengaruhi oleh persekitaran universiti atau tempat pengajian yang konduksi tetapi kurang terdedah dengan program kebersihan secara serius dan berskala besar. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa kurang kemantapan silibus pengajian kebersihan, ketidakseragaman kurikulum dan penyediaan modul yang tidak komprehensif. Selain itu, strategi pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran yang berkaitan dengan pendidikan alam sekitar yang berbeza, tidak selaras dan terkebelakang. Ini menunjukkan bahawa pendidikan alam sekitar di institut pengajian tinggi pada masa kini masih belum mampu memupuk tingkah laku yang konsisten dalam memelihara kebersihan alam sekitar. Silibus pengajian, kurikulum dan modul mengenai kebersihan alam sekitar perlu diwujudkan setaraf dengan subjek teras dan bukan subjek elektif di semua institut pengajian tinggi. Ini bagi menampung keperluan dan kehendak pasaran industri global dalam melahirkan masyarakat yang berilmu dengan gaya hidup yang elegan.

## KESIMPULAN

Tindakan boleh dilakukan melalui kewujudan undang-undang atau akta berkaitan dan penguatkuasaan yang sistematik daripada pemerintah dan NGO terhadap pesalah laku alam sekitar. Di samping dengan kewujudan itu turut sama mengubah gaya hidup dan sistem masyarakat yang dibina untuk melahirkan tingkah laku masyarakat bertamadun yang lebih positif dan sihat.

Justeru, jika terdapat sesuatu perkara yang menakutkan seseorang untuk berubah, itu berkemungkinan adalah sesuatu yang baik untuk mencuba daripada diam, hanya berpeluk tubuh dan menunding jari antara satu sama lain. Bertindaklah secara kreatif dengan apa yang dirasakan berbeza bukan bertindak secara inovatif dengan mencampurgaulkan adunan dalam acuan yang sedia ada. Terdapat perbezaan yang sangat ketara antara hari yang baik dengan hari yang buruk adalah dengan tingkah laku seseorang terhadap alam sekitar termasuklah memelihara hubungan manusia sesama manusia. Tingkah laku positif berpotensi mengubah segala-galanya.

## PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada Research Acculturation Collaborative Effort (RACE): R/RACE/A04.00/00501A/001/2015/000232 untuk sokongan kewangan dalam menyiapkan penyelidikan ini sebaik mungkin.

## RUJUKAN

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad (1977). *al-Mustasfa min Ilm al- Usul*. Jus 1. Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

- Atsuko Kuribayashi (1999). Pro-environmental attitudes and behaviour. A comparison of Thailand dan Japan. <http://www.nliresearch.co.jp/english/socioeconomics/html> [ 5 Mac 2010]
- Berenguer, J. (2007). The effect of empathy in proenvironmental attitudes and behaviours. *Journal of Environment & Behaviour* 39(2): 269-283
- Bodur, M. & Sarigollu, E. (2005). Environmental sensitivity in a developing country. Consumer classification and implication. *Journal of Environment & Behaviour* 37: 487-510
- Callicott, J. B. (2000). Harmony between man and land: Aldo Leopold and the foundation of ecosystem management. *Journal of Forestry* 98(5): 4-13
- Chua Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Cooley, Charles Horton (1964). *Human Nature and the Social Order*. New York: Schocken Books.
- Cohen, L., Manion, L. & Marrison, K. (2001). *Research Methods in Education* (5th ed.). London: Routledge Falmer.
- Crocker Linda dan James Aigina (1986). *Introduction To Classical And Modern Test Theory*, New York: Holt: Rinehart and Winston.
- Davis, J. L., green, J. D., Reed, A. (2009). Interdependence with the environment: Commitment, interconnectedness and environmental behaviour. *Journal of Environmental Psychology* 29 (2009) 173-18
- Dzulkifli Abdul Razak (2005). Make a Difference: Learn to Last. Dalam Omar Osman, Salfarina Salfarina Abdul gapor & Zainal Abidin Sanusi (pnyt.). *Education for Sustainable Development: The Role of Universities as Regional Centre of Expertise*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Gardner, G. T. & Stern, P. C. (2002). *Environmental problems and human behavior* (2nd ed.). Boston, MA: Pearson Custom Publishing.
- Garry Martin & Joseph Pear (2003). *Behavior modification : what it is and how to do it*. English, Book, Illustrated edition.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2010). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Laporan Kiraan Permulaan.
- Kollmuss, A. & Agyeman, J. (2002). Mind the gap: why do people act environmentally and what are the barriers to pro-environmental behavior? Tufts University, Medford, MA, United State of Amerika. *Environmental Education Research*, Vol. 8, No. 3, 2002. *Environmental Education Research* 8(3) 239-260
- Knapp, C. E. (1999). In accord with nature: Helping students form an environmental ethic using outdoor experience and reflection. West Virginia: ERIC Clearing house on Rural Education and Small Schools.
- Kuhlemeier H., Bergh, H. V. D. & Lagaerweij, L. (1999). Environmental Knowledge, Attitudes, Behaviour in Dutch Secondary Education. *Journal of Environmental Education* 30 (2):41
- Lee. E. B. (2008). Environmental Attitudes and Information Sources among African American College Students. *Journal of Environmental Education* 40 (1):29-42
- Lewis, M. B. (2001). The Lady's not for turning: Rotation of the Thatcher illusion. *Perception* 30(6), pp. 769-774. (10.1068/p3174)
- Masjid-Majid Di Kelantan, Malaysia (2014). *Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Terbitan Ultimate Print Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Mead, George Herbert (1962). *Mind, Self and Society* dalam Charles W. Morris (editor). Chicago: University of Chicago Press.
- Meinhold, J. L. & Malkus, A. J. (2005). Adolescent environmental behaviours. Can knowledge, attitudes, and self-efficacy make a difference. *Journal of Environmental Education*. 37(4): 511-532

- Milfont, T. L., Duckitt, J. & Cameron, L. D. (2006). A Cross-cultural study of environmental motive concerns and their implication for environmental behaviour. *The Journal of Environmental Education* 38(6):745-767
- Miltenberger (2001). *Behavior Modification: Principles And Procedures Second Edition*. Journal of Applied Behavior Analysis. Society for the Experimental Analysis of Behavior. Winter; 34(4): 551–557.
- Mohd Majid Konting (1990). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Mohd Yusop bin Abd Hadi, Jailani bin Mohd Yunos & Ahmad bin Esa (2003). Meningkatkan Pengetahuan, Amalan dan Sikap terhadap Pendidikan Alam di kalangan Pelajar. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran. Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mok Soon Sang (2004). *Nota Intisari Ilmu Pendidikan Psikologi Pendidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Norshariani Abd Rahman (2009). *Kajian tingkah laku terhadap amalan penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar UKM*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shahrom Md Zain, Wan Hamidon Wan Badaruzzaman, Rahmah Elfithri, Noor Ezlin Ahmad Basri, Nuraini Khatimin, Azami Zaharim, Fatimah Suja (2009). *Kaji selidik Pendidikan Alam Sekitar dan Keperluan kepada Pembangunan Lestari dalam proses pengajaran dan pembelajaran*. Fakulti Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia
- Stepath, C. M. (2004). *Awareness and monitoring in Outdoor Marine Education*. Cairns: James Cook University
- Zurina Mahadi & Norjan Yusof (2003). *Kesedaran Alam Sekitar: Tinjauan Awal di kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

NIK YUSRI MUSA

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok, Kelantan, MALAYSIA.

MOHAMAD IZZAT MOHAMAD GHANI

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok, Kelantan, MALAYSIA.

\*Corresponding author: [nikyusri@umk.edu.my](mailto:nikyusri@umk.edu.my)